

KATA ALU-ALUAN NAIB CANSELOR UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Sejahtera dan Salam Sanjungan Bangsa..

Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada saudara/i yang telah terpilih sebagai pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bagi sesi 2020-2021. Kejayaan ini merupakan peluang terbaik untuk merealisasikan impian dan cita-cita meningkatkan keserjanaan akademik saudara/i.

Senario semasa yang kita hadapi kini sememangnya cukup dinamik dan penuh cabaran. Sejak awal tahun 2020, pandemik Covid-19 telah mengubah landskap dunia, corak pemikiran dan norma kehidupan seharian kita. Namun begitu, UTM sentiasa progresif dalam mendepani cabaran ini dengan merangka pelbagai pelan strategik dan pacuan hala tuju pengajian tinggi sedia ada demi kesejahteraan dan kelestarian UTM dalam pelbagai aspek.

Sejajar dengan Pelan Global UTM 2012-2020 dan UTM Envision 2025 yang dikerangka berselari dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), strategi ini dilihat dapat membantu UTM melahirkan *talent* yang berkualiti, berinovatif dan bercitra global bersesuaian dengan ekosistem intelektual semasa dan tagline UTM '*Inovatif. Entrepreneurial. Global*'.

UTM juga komited dalam menawarkan '*total campus experience*' dan kerangka akademia baharu kepada semua pelajar di mana saya yakin saudara/i akan lebih cemerlang dan sentiasa terbuka minda untuk meneroka serta mendepani segala kemungkinan pada masa akan datang.

Kini, UTM berada dikedudukan ke-187 berdasarkan QS World Ranking (2021) dan dari semasa ke semasa, UTM sentiasa berusaha untuk lebih berdaya saing dalam menyediakan pakej pengajian tinggi yang inovatif dan holistik.

Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan "Selamat Maju Jaya dan Terima Kasih" kerana menjadikan UTM sebagai platform untuk melayari dunia keserjanaan dan menjadi insan bermanfaat kepada agama, bangsa dan negara.

Sekian, terima kasih.

'Kerana Tuhan Untuk Manusia'

PROFESOR DATUK TS. DR. AHMAD FAUZI BIN ISMAIL
Naib Canselor